

19/01/2004

Malaysia-Laos teroka sektor baru ekonomi

Mustapa Omar

SELEPAS mengunjungi Jakarta, Singapura dan Bangkok, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di Vientiane, Laos, pagi ini dalam rangka lawatan suai kenal beliau ke semua negara Asean, berikutan pelantikannya sebagai Perdana Menteri kelima menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober tahun lalu.

Seperti kunjungannya ke Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand sebelum ini, lawatan ke Laos juga bertujuan mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala selain memberi peluang kepada Abdullah untuk bertemu, berbincang dan mengkaji semula isu-isu kepentingan bersama dengan rakan sejawatannya, Bounnhang Vorachith.

Kunjungan atas undangan Vorachith ini adalah lawatan rasmi pertama pemimpin tertinggi Malaysia ke negara itu selepas 10 tahun dan sejak Laos menyertai Asean pada 1997. Kali terakhir ialah lawatan rasmi Dr Mahathir pada April 1994.

Perdana Menteri Laos itu mengadakan kunjungan rasmi ke Kuala Lumpur pada 2001, selain menghadiri Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) pada awal tahun lalu.

Selain mengadakan rundingan dengan Vorachith, Abdullah juga dijadual mengunjungi Presiden Khamtay Siphandone dan mengadakan pertemuan dengan rakyat Malaysia yang tinggal di Vientiane, sebelum berlepas ke Manila untuk lawatan dua hari ke Filipina, selain menemui Presiden Gloria Macapagal Arroyo.

Jika dilihat dari segi hubungan dua hala, mungkin Kuala Lumpur dan Vientiane tidak menghadapi sebarang masalah kerana selain tidak berkongsi sempadan, hubungan kedua-dua negara boleh dianggap masih baru sama ada dari segi sosial, politik dan ekonomi.

Selain itu, jumlah rakyat Laos yang bekerja di Malaysia juga terlalu kecil jika dibandingkan dengan negara Asean lain, termasuk jirannya Thailand, Kemboja, Vietnam dan Myanmar, menyebabkan tidak timbul masalah membabitkan kedua-dua negara.

Bagaimanapun, dalam pertemuan dua hala yang diadakan sebelum ini, ada beberapa isu yang pernah dibangkitkan oleh Laos, khususnya membabitkan kerjasama ekonomi dan teknikal.

Disebabkan negara yang mempunyai penduduk lebih 5.5 juta itu terletak di tengah-tengah semenanjung Indochina dan baru saja membuka pintu kepada dunia luar, ia masih menghadapi pelbagai kekurangan.

Kedudukan geografinya juga menyebabkan ia tidak mempunyai pelabuhan laut dan ini menyukarkannya menjalin hubungan dagang dengan negara lain, kecuali lima negara yang bersempadan termasuk China.

Laos juga tidak mempunyai kemudahan perhubungan yang baik menyebabkan kegiatan import dan eksport yang dijalankan dengan Malaysia terpaksa melalui Thailand atau Vietnam.

Kini, Malaysia adalah pelabur asing ketiga terbesar di negara itu selepas Thailand dan Amerika Syarikat. Sehubungan itu, ia amat mengharapkan dukungan Malaysia bagi memastikan projek landasan kereta api Trans-Asia menghubungkan Singapura dan Kunming, China, merentasi negara berkenaan atau sekurang-kurangnya dihubungkan ke negaranya.

Malah, Laos juga sudah pasti berharap Penerbangan Malaysia (MAS) dapat menghidupkan semula penerbangan terus Kuala Lumpur-Vientiane yang pernah dilaksanakan sebelum ini, tetapi terpaksa diberhentikan berikutan kemerosotan ekonomi beberapa tahun lalu.

Vientiane juga berharap Kuala Lumpur terus membantu melatih kakitangan kerajaannya mendalami bidang pentadbiran, diplomatik dan teknikal. Setakat ini Malaysia tidak pernah menghampakan, malah setiap tahun ramai rakyat Laos mendapat latihan di Kuala Lumpur, termasuk yang dikendalikan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

Selain program yang dibiayai oleh Malaysia, ada juga rakyat Laos dihantar mengikuti kursus dan latihan di Malaysia di bawah program dibiayai agensi antarabangsa seperti Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Jica).

Di samping itu, ada juga program latihan jangka pendek, lawatan sambil belajar untuk bertukar-tukar dan berkongsi pengalaman dengan negara anggota Asean yang membabitkan rakyat Laos.

Dalam bidang ekonomi, Laos menawarkan skop luas untuk pelabur Malaysia termasuk kegiatan membangunkan tanah bagi pertanian, perniagaan berasaskan pertanian dan perhutanan.

Di sektor pelancongan, walaupun jumlah pelancong Malaysia yang berkunjung ke Laos masih kecil, ia mempunyai masa depan yang cerah. Malah, sebuah syarikat Malaysia bertanggungjawab memajukan sebuah kawasan berhampiran Tasik Nam Ngum di utara Vientiane sebagai pusat pelancongan terkenal.

Sejak Republik Rakyat Laos dibentuk pada 1975, kerajaannya terus berpegang pada dasar keamanan, kebebasan, persahabatan dan kerjasama. Berdasarkan prinsip itu dan pengalaman sendiri atau yang dikongsi dengan negara lain, pada 1986, Laos meluluskan Mekanisme Ekonomi Baru (NEM) bertujuan meningkatkan tahap hidup rakyat pelbagai etnik, iaitu secara berperingkat, selaras era baru yang saling bergantung, bekerjasama berasaskan kesaksamaan dan keuntungan bersama.

Sebenarnya, negara yang tergolong miskin itu mempunyai sumber asli seperti hutan, bahan galian dan sungai yang sesuai untuk projek tenaga hidro yang boleh diteroka usahawan Malaysia, di samping mampu membekalkan tenaga elektrik dan buruh yang murah.

Apa yang menarik, di Laos juga pelabur asing dibenarkan terbabit dalam semua sektor ekonomi seperti pembuatan, perlombongan, pelancongan, perkhidmatan perdagangan dan kewangan, manakala pelaburan dan harta benda pelabur asing dilindungi di bawah undang-undang membenarkan mereka menyewa tanah, membuat pindaan sewaan secara sah, memajukan tanah dan perpindahan harta benda lain.

Berdasarkan insentif yang menarik dan kadar cukai yang rendah dengan dorongan tambahan seperti kestabilan, keselamatan, kemudahan, keahlian dalam Asean dan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), Laos turut memiliki daya tarikan kepada pelaburan asing, termasuk dari Malaysia.

Selaras dasar memakmurkan jiran yang diamalkan Malaysia, kerajaan sentiasa menggalakkan sektor swasta untuk melabur di Laos dan pada masa ini usahawan Malaysia adalah di antara pelabur g aktif menyumbang ke arah pembangunan ekonomi Laos terutama dalam pembinaan, perhutanan, perbankan, khidmat runding dan pendidikan.

Kini ada lebih 20 syarikat Malaysia yang beroperasi di Laos dengan jumlah pelaburan lebih AS\$300 juta (RM1.14 bilion). Apa pun, kita berharap lawatan Abdullah dapat merapatkan hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang antara Kuala Lumpur dan Vientiane.